

(1)



**UCAPAN BAJET NEGERI MELAKA
TAHUN 2017**

**DENGAN TEMA:
'MENJANA PEMBANGUNAN, MENSEJAHTERAKAN RAKYAT'**

**OLEH:
YAB DATUK SERI UTAMA Ir. (DR) HJ IDRIS BIN HJ HARON
KETUA MENTERI MELAKA**

**KETIKA MEMBENTANGKAN
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2017) 2016**

**PADA ISNIN, 24 OKTOBER 2016
DEWAN UNDANGAN NEGERI**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia,
Salam Melaka Maju Negeriku Sayang,
Negeri Bandar Teknologi Hijau,
Melaka 754 Tahun, Melaka Maju Fasa Ke-2.**

YB Datuk Wira Speaker,

Saya mohon mencadangkan supaya rang Undang-undang bertajuk “Suatu Enakmen Perbekalan (2017) 2016 untuk membolehkan kegunaan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi maksud perbelanjaan pengurusan tahun 2017” dibaca bagi kali kedua.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,
Ahli-ahli Yang Berhormat;**

Mukadimah

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana pada pagi yang cerlang dan penuh barakah ini, saya diberi kelapangan waktu serta sihat tubuh badan untuk membentangkan satu dokumen penting yang terkandung di dalamnya perancangan dan peruntukan pembangunan negeri bagi tahun 2017.

2. Sesungguhnya bajet ini merupakan bajet keempat saya sejak menerajui tampuk pentadbiran negeri sebagai Ketua Menteri Melaka ke-10.

3. Saya percaya, dengan adanya barisan kepimpinan negeri yang cekap dan berdedikasi, yang sentiasa menjulang integriti, Melaka akan terus melakar kejayaan dalam babak kedua Melaka Maju Fasa Ke-2.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,
Ahli-ahli Yang Berhormat;

4. Kita diingatkan Allah SWT dalam Surah Sabaa Ayat 39:

قُلْ إِنَّ رَبِّي يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقْدِرُ لَهُ، وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ، وَهُوَ خَيْرُ الرَّزَّاقِينَ

"Sesungguhnya Tuhanku melapangkan rezeki bagi siapa yang dikehendaki-Nya di kalangan hamba-hamba-Nya dan Dia juga menyempitkan bagi (siapa yang dikehendaki-Nya). Dan barang apa saja yang kamu nafkahkan (belanjakan), maka Allah akan menggantinya dan Dia-lah jua sebaik-baik pemberi rezeki" (Surah Sabaa Ayat 39).

5. Maka mengambil iktibar daripada ayat ini dalam konteks yang lebih luas, kerajaan akan terus berusaha memastikan hasil negeri berada di tahap yang terbaik demi kemajuan dan kesejahteraan rakyat.

6. Kerajaan percaya, sekiranya kita tabah dan sabar dalam menghadapi apa jua situasi ekonomi yang melanda, sesungguhnya Allah SWT pasti akan membuka jalan, memberi kelapangan dan menghilangkan kesulitan, asal sahaja kita terus berusaha dan bertawakal.

7. Bajet 2017 yang bertemakan “*Menjana Pembangunan, Mensejahterakan Rakyat*” dilihat sebagai penanda aras kepada hala tuju Melaka merealisasi hasrat dan matlamat dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

8. Fokus utama adalah ke arah meningkatkan taraf hidup rakyat, menggiatkan sektor pelancongan negeri, menjadikan Melaka perintis pembangunan hijau negara serta memperkasa integriti dalam tadbir urus kerajaan.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,
Ahli-ahli Yang Berhormat;

Tahniah TYT Tun

9. Dalam merencana pembangunan Melaka, kita bersyukur kerana sentiasa dibantu rapat dan dinaungi oleh Tuan Yang Terutama, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob, Yang di-Pertua Negeri.

10. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya menzahirkan ucapan terima kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah

kerana berkenan melantik semula Tuan Yang Terutama, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob, Yang di-Pertua Negeri Melaka bagi penggal keempat mulai 26 Mei 2016 lalu.

11. Sesungguhnya kita bertuah berada di bawah naungan dan kepimpinan Tuan Yang Terutama Tun sejak 12 tahun lalu. Segala pengalaman, idea, pandangan dan nasihat dicurah kepada negeri dan rakyat Melaka tanpa ragu sehingga banyak kejayaan diraih.

12. Tidak hairanlah banyak organisasi atau badan NGO yang terinspirasi dengan kewibawaan Tun serta mengiktiraf kebijaksanaan beliau dengan pelbagai anugerah. Pada 29 September 2016, Tun telah dianugerahi Ijazah Doktor Kehormat dalam bidang Kepimpinan (*Honorary Doctorate of Leadership*) dari Universiti Lim Kok Wing. Kami tumpang gembira dan mengucapkan setinggi tahniah.

13. Sempena sambutan Hari Jadi rasmi Tuan Yang Terutama, Yang di-Pertua Negeri yang ke-78, saya dan seluruh rakyat Melaka juga ingin mengambil kesempatan di dewan yang mulia ini mengucapkan dirgahayu, dirgahayu, dirgahayu Tuan Yang Terutama Tun.

14. Kami berdoa semoga Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan serta keluarga dirahmati dan dimudahkan rezeki serta terus berada di bawah perlindungan Allah SWT sentiasa.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker;
Ahli-Ahli Yang Berhormat;**

Belasungkawa Tan Sri Abdul Aziz Tapa

15. Tanggal 4 Oktober 2016, rakyat Malaysia khususnya negeri Melaka kehilangan seorang tokoh politik, budayawan dan pendidik bangsa yang sangat dikagumi serta dihormati. Beliau ialah Tan Sri Haji Abdul Aziz bin Tapa (1923-2016). Ketika hayatnya, beliau adalah mantan Ahli Dewan Negara tahun 1975 - 1977. Beliau pernah menyandang kerusi Dewan Undangan Negeri Nyalas tahun 1978 - 1982 dan dilantik sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka pada penggal yang sama. Beliau juga merupakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tahun 1982-1986. Semoga Allah SWT mencucuri rahmat ke atas Allahyarham yang telah menumpah taat setia pada negara dan parti sehingga akhir hayatnya. Al-fatihah.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker;
Ahli-Ahli Yang Berhormat;**

Kejayaan dan Pengiktirafan

16. Tahun ini menyaksikan Negeri Melaka melakar pelbagai kejayaan dan mendapat pengiktirafan. Syabas dan tahniah kepada para penjawat awam kerana kesungguhan membantu mencipta rangkaian pengiktirafan sama ada di peringkat negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa.

17. Mahkamah Syariah Melaka telah memenangi Anugerah Emas di International Convention On Qc Circles (ICQCC 2016) Bangkok, Thailand pada 23 - 26 Ogos 2016 melalui ciptaan mereka “*Two Easy*” projek.

18. Jabatan Mufti Melaka Johan bagi Kategori Produk dalam Pertandingan Anugerah Inovasi Islam Peringkat Kebangsaan 2016 manakala Johan Kategori Perkhidmatan jatuh kepada Majlis Agama Islam Melaka (MAIM).

19. Atlet olahraga, Khairul Hafiz Jantan yang saya gelar *The Speddy Jantan* telah memecah rekod kebangsaan dalam temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak dalam acara 100 meter dengan catatan masa 10.18 saat.

20. Atlet kurang upaya atau *disable athlete* pula berjaya membawa pulang 14 pingat emas, 17 perak dan 13 gangsa di sukan paralimpiad Malaysia, Sarawak. Krishna Kumar, atlet paralimpik Melaka terpilih mewakili negara di sukan paralimpik Rio, Brazil.

21. Paling membanggakan anak jati Melaka, Goh Liu Ying adalah pemain beregu campuran badminton yang memenangi pingat perak di Sukan Olimpik Rio lalu.

22. Kita bersyukur kerana pada musim ini, pasukan Melaka United berjaya menempah tempat dalam Liga Perdana dan telah disahkan sebagai juara liga pada 22 Oktober lalu sekali gus melayakkan Melaka United beraksi di Liga Super musim depan.

23. Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya akan menerima anugerah *International Green World Awards 2016 for Carbon Management Within Hang Tuah Jaya Municipal Council* di Bucheon, Korea Selatan pada 28 Oktober 2016 dan Anugerah *International Green Apple Award 2016 For Planning and Development of Green City Hang Tuah Jaya* di London pada 11 November 2016. Tahniah dan syabas.

24. Negeri Melaka juga semakin mendapat perhatian apabila banyak acara bertaraf antarabangsa dianjurkan di sini bermula dengan Persidangan Bandar Berdaya Tahan Asia Pasifik atau *Resilient Cities Asia-Pacific (RCAP)* pada 2-4 Mac 2016 dan Persidangan Antarabangsa Bandaraya Asia Mencegah Dadah kali ke-7 (ASCAD) dari 9-13 Oktober 2016. Tahun hadapan, kita dipilih sebagai tuan rumah Sidang Kemuncak *Urban Environmental Accords (UEA) Melaka Summit* dari 7 September hingga 9 September 2017.

25. Kita juga telah mencipta rekod *The Malaysia Book Of Record* kerana menganjurkan Kempen Anti Dadah besar-besaran yang dihadiri sejumlah 1,448 orang sempena Persidangan Antarabangsa Bandaraya Asia mencegah dadah kali ke-7.

26. Kerajaan Negeri turut diberi penghormatan sebagai hos Hari Audit 1Malaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Jabatan Audit Negara pada 22 Ogos 2016 dan Persidangan Teknikal Tahunan Percukaian "*Association of Tax Authorities Of Islamic Country*" (ATAIC) yang disertai 28 buah negara Islam dunia pada 26-30 September 2016.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker;
Ahli-Ahli Yang Berhormat;**

27. Saya petik kata-kata Benjamin Franklin : *'He that can have patience can have what he will'*. Saya percaya semua pengiktirafan dan kejayaan ini membuktikan bahawa *'di mana ada kemahuan di situ pasti ada jalan'*. Syabas dan tahniah kepada barisan pentadbiran negeri serta para penjawat awam.

28. Sesungguhnya benarlah sepertimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 269:

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا
كَثِيرًا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٢٦٩﴾

"Allah memberikan hikmat kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya menurut aturan yang ditentukan-Nya). Dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya." (Surah Al-Baqarah, ayat 269).

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker;
Ahli-Ahli Yang Berhormat;**

Senario Ekonomi Negeri

29. Kerajaan pada hakikatnya tidak pernah menjanjikan bulan dan matahari dalam memacu kemajuannya kerana untuk apa mencoret lukisan yang tampak molek dan anggun jika sekadar lakaran semata tanpa makna. Sebagai kerajaan *people`s centric*, kita membuka pelbagai ruang menyelesaikan permasalahan rakyat dan memenuhi kehendak serta keperluan mereka. Kerajaan sedaya upaya memastikan ekonomi negara terus berkembang meski dalam persekitaran global dan iklim politik yang kurang menentu.

30. Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sederhana iaitu 4.0 peratus pada suku tahun kedua 2016 berbanding 4.2 peratus pada suku tahun pertama. Sektor perkhidmatan terus menjadi pemangkin utama dengan sumbangan 53.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) diikuti dengan sektor pembuatan iaitu 23 peratus.

Ekonomi Melaka

31. Ekonomi Melaka mencatat pertumbuhan yang baik terutama pada sektor pembuatan dan perkhidmatan dengan anggaran pertumbuhan KDNK 2016 sekitar 5.5 peratus. Sektor perkhidmatan terus unggul sebagai penyumbang utama iaitu 45.6 peratus diikuti sektor pembuatan sebanyak 40.9 peratus.

32. Kadar Pengangguran bagi suku kedua 2016 adalah pada paras 1.0 peratus berbanding 3.4 peratus di peringkat nasional. Angka ini adalah terendah berbanding negeri lain di Malaysia. Kadar inflasi pula berada pada paras sederhana iaitu 2.3 peratus bagi Negeri Melaka dan Malaysia bagi tempoh Januari hingga Ogos 2016.

33. Pendapatan per kapita Melaka tahun 2015 iaitu 39,853.00 ringgit adalah keempat tertinggi di Malaysia melebihi pendapatan per kapita di peringkat nasional iaitu 37,104.00 ringgit dan mensasarkan 48,000.00 ringgit menjelang 2020 dengan KDNK tumbuh sebanyak 7%.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker;
Ahli-Ahli Yang Berhormat;

Pelaburan

34. Bagi memperkukuh ekonomi negara, kerajaan telah merangka pelbagai strategi untuk menarik lebih banyak pelaburan asing dan domestik. Sehingga Mac 2016, nilai pelaburan yang diluluskan Lembaga Pelaburan Industri Malaysia (MIDA) di peringkat nasional ialah sejumlah 19.62 bilion ringgit atau bersamaan 368 buah projek dengan pelaburan asing 12.54 bilion ringgit dan domestik 7.08 bilion ringgit.

35. Negeri Melaka turut menerima 855.79 juta ringgit pelaburan sehingga Mac 2016 dengan pelaburan asing dan domestik masing-masing berjumlah 590.97 juta ringgit dan 264.82 juta ringgit. Kerajaan negeri mensasarkan 5.0 bilion ringgit nilai pelaburan

setiap tahun bagi merancakkan lagi sektor perindustrian di negeri ini.

36. Pelaburan berasaskan industri berteknologi tinggi amat digalakkan dalam memperkasa sektor perindustrian mencapai kedudukan teratas. Sektor pembuatan dan perkhidmatan menyumbang lebih 80 peratus pada KDNK Negeri merangkumi sub sektor industri, pelancongan, perbankan dan perhotelan.

37. Sehingga kini terdapat 24 kawasan perindustrian di seluruh negeri dengan 13 kawasan dimajukan Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) dan 11 kawasan lagi oleh pihak swasta.

38. Kewujudan zon perindustrian telah membantu pertumbuhan sektor perkilangan. Sebanyak 433 kilang telah diasaskan di Melaka dengan 237 buah milik pelabur tempatan manakala 196 buah dimiliki oleh pelabur asing. Daripada jumlah di atas, 52 buah kilang atau 12.6 peratus adalah berasaskan produk makanan. Kewujudan kilang ini telah menyediakan 86,100 peluang pekerjaan.

39. Manifestasi kejayaan melalui misi galakan pelaburan memperlihatkan beberapa pelabur besar mula menunjukkan minat. Syarikat tenaga iaitu Edra Energy Sdn. Bhd. (EDRA) telah bersetuju melabur 4 billion ringgit bagi membina stesen jana kuasa dan talian penghantaran tenaga elektrik baharu di Telok Gong, Alor Gajah ke pencawang elektrik di Bahau, Negeri Sembilan.

40. Begitu juga dengan Syarikat Xinyi Glass dari China dengan pelaburan bernilai 3.2 bilion ringgit untuk aktiviti mengeksport produk kaca berkualiti tinggi.

41. Pelabur dari Nanning, China juga menunjukkan minat khusus dalam industri kayu gaharu. Para pelabur dari Wilayah Guangxi berhasrat mewujudkan Pusat Pertukaran Komuniti Gaharu di Melaka sekali gus menjadi aktiviti pertama seumpamanya di Asia Tenggara. Negeri Melaka juga akan bertindak sebagai pusat latihan dan pengoperasian industri kayu gaharu.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker;
Ahli-Ahli Yang Berhormat;

Hubungan Melaka - Guangdong

42. Hubungan dua hala antara Melaka-Guangdong dilihat mampu memberi *quantum leap* dan mencetus perubahan struktural dalam ekonomi negeri. Empat perkara teras yang diberi fokus selepas menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Persahabatan Melaka-Guangdong yang disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 21 September 2015, ialah penerbangan terus Guangzhou-Melaka dari lapangan terbang antarabangsa Baiyun, pembangunan pelabuhan laut dalam sebagai sebahagian inisiatif kemudahan maritime abad ke-21, mewujudkan pusat sehenti untuk mempromosi produk Melaka berasaskan kebudayaan dan warisan serta produk bermutu buatan Malaysia di Zhuhai, China serta pembangunan kawasan Perindustrian Melaka-Guangdong.

Pembangunan Melaka Gateway

43. Lanjutan daripada Misi Galakan Pelaburan Kerajaan Negeri ke Guangzhou pada Mac lalu, pihak *Guandong Development Reform Committee* (GDRC) telah mengadakan lawatan kerja ke negeri Melaka pada bulan Mei bagi membentangkan cadangan pelan pembangunan Taman Industri Maritim (*Maritime Industrial Park*) di atas tanah seluas 750 ekar.

44. Kerajaan negeri bersyukur kerana pada 19 Oktober 2016, hasrat Melaka merealisasikan projek pelabuhan laut dalam bakal terlaksana dengan perasmian peletakan batu asas pelabuhan Melaka Gateway (Pulau Panjang) di Pulau Melaka East 1 (PME 1) di Pulau Melaka. Ini sekali gus menjadikan Melaka sebagai pusat tumpuan utama dalam industri maritime dunia.

45. Projek pembangunan *International Cruise Terminal* akan bermula pada penghujung tahun 2016 dan dijangka beroperasi pada tahun 2018. Projek ini merupakan inisiatif pelaburan Amerika Syarikat manakala pelabur dari Hong Kong akan melaksanakan projek perhotelan *Hyatt Place Residence*.

46. Syarikat *Powerchina International Group Limited* (Powerchina) bersetuju melabur sejumlah 30 billion ringgit untuk projek Melaka Gateway membabitkan tiga pulau buatan. Pulau keempat akan dibangunkan sebagai terminal kontena, pusat pembinaan dan baik pulih kapal secara kerjasama di antara KAJD, Powerchina dan Perbadanan Ketua Menteri (CMI). Kerajaan Negeri melalui PKNM juga akan mewujudkan hub Industri Melaka

Guangdong di Lipat Kajang di atas tanah seluas 6,000 ekar untuk pembangunan pelbagai industri.

47. Sesungguhnya benarlah sepertimana firman Allah SWT dalam Surah Yusuf, ayat 47-49 bahawa kitaran atau turun naik semula jadi ekonomi di antara tempoh pengembangan (pertumbuhan) dan penguncupan (kemelesetan) akan pasti berlaku dalam dunia hari ini sepertimana yang berlaku di zaman Nabi Yusuf:

قَالَ تَزْرَعُونَ سَبْعَ سِنِينَ دَأْبًا فَمَا حَصَدْتُمْ فَذَرُوهُ فِي سُنْبُلِهِ إِلَّا قَلِيلًا
 مِمَّا نَأْكُلُونَ ﴿٤٧﴾
 ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ سَبْعٌ شِدَادٍ أَكْنَ مَا قَدَّمْتُمْ لَهُنَّ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّا
 تَحْصِنُونَ ﴿٤٨﴾
 ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ عَامٌ فِيهِ يُغَاثُ النَّاسُ وَفِيهِ يَعْرِضُونَ ﴿٤٩﴾

Maksudnya: “Yusuf menjawab: “Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan.” (47). “Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih).” (48) “Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya)”. (surah yusuf, ayat 47 - 49).

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,
Ahli-Ahli Yang Berhormat;**

INTIPATI BAJET PERSEKUTUAN 2017

48. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Mohd Najib bin Tun Abdul Razak kerana berjaya merangka bajet yang mantap demi kesejahteraan rakyat Malaysia. Bajet 2017 bertemakan "*Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif, Mensejahtera Kehidupan Rakyat Seluruh*" telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 21 Oktober lalu.

49. Dalam Bajet 2017, kutipan hasil dijangka berkembang sekitar 3 peratus iaitu kepada 219.7 bilion ringgit. Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah 214.8 bilion ringgit bagi perbelanjaan mengurus dan 46 bilion ringgit bagi perbelanjaan pembangunan. Syabas diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah membentangkan bajet yang realistik, dengan intipati yang memberi manfaat kepada pelusuk rakyat :

Pertama: Meningkatkan kemudahan pemilikan rumah

Kedua: Meningkatkan bantuan BRIM

Ketiga: Membantu kumpulan pekebun kecil dan usahawan baru

Keempat: Memperkasa ekonomi semua lapisan masyarakat

Kelima: Meningkatkan bantuan persekolahan dan melebarkan lagi insentif untuk pengajian tinggi

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,
Ahli-Ahli Yang Berhormat;**

BAJET NEGERI MELAKA 2017

50. Bajet Negeri Melaka Tahun 2017 memperuntukkan sejumlah 348.78 juta ringgit dengan 339.31 juta ringgit untuk perbelanjaan mengurus seperti di dalam Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan (2017) 2016 dan 9.47 juta ringgit untuk perbelanjaan tanggungan. Bajet 2017 menyaksikan peningkatan 21.70 juta ringgit berbanding tahun sebelumnya iaitu 327.08 juta ringgit.

51. Di bawah peruntukan mengurus, 105.64 juta ringgit telah diperuntukkan untuk bayaran emolument bagi pegawai tetap, 144.62 juta ringgit bagi menampung perkhidmatan dan bekalan termasuk bayaran emolument pegawai kontrak, pembelian aset sebanyak 3.5 juta ringgit dan caruman Kumpulan Wang Pembangunan Negeri sejumlah 42.86 juta ringgit. Pelbagai pemberian dan kenaikan bayaran tetap berjumlah 24.4 juta ringgit adalah untuk sumbangan bayaran gaji kepada agensi dan anak syarikat, sumbangan kepada pelbagai Persatuan dan Badan Bukan Kerajaan seperti golongan wanita, pasukan keselamatan, anggota veteran dan sebagainya.

52. Seiring dengan tema bajet menjana pembangunan, maka kerajaan telah meningkatkan bajet pembangunan kepada 60 juta ringgit berbanding 55 juta ringgit pada 2016 untuk membiayai projek-projek pembangunan. Daripada jumlah tersebut, Kerajaan telah mengagihkan sebilangan besar peruntukan untuk pelaksanaan projek-projek utama kepada jabatan-jabatan teknikal

iaitu sebanyak 14.8 juta ringgit kepada Jabatan Kerja Raya, 13.3 juta ringgit kepada Jabatan Ketua Menteri, 10.8 juta ringgit kepada Jabatan Agama Islam Melaka, 9.3 juta ringgit kepada semua Pejabat Daerah dan sejumlah 6 juta ringgit kepada Jabatan Pengairan dan Saliran.

53. Untuk makluman, di bawah lembayung Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) (2011-2015), semua sektor ekonomi yang diterajui sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan positif. Kerajaan meliberalisasi sektor perkhidmatan secara autonomi dan mempergiat usaha memudah urusan perniagaan untuk meningkatkan daya saing serta keyakinan pelabur. Sejumlah 560.25 juta ringgit telah diperuntukkan kerajaan bagi 807 buah projek sepanjang pelaksanaannya dalam tempoh lima tahun. Daripada jumlah tersebut, 752 projek berjaya disiapkan dengan 14 projek lagi dalam tindakan pelaksanaan manakala 41 projek di peringkat permulaan.

54. Hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2017 dianggarkan berjumlah 349 juta ringgit yang terdiri daripada Hasil Cukai sebanyak 136.6 juta ringgit, Hasil Bukan Cukai berjumlah 154.2 juta ringgit dan Terimaan Bukan Hasil berjumlah 58 juta ringgit. Kutipan hasil dijangka meningkat 21.7 juta ringgit atau 6.6 peratus lebih tinggi berbanding anggaran kutipan hasil bagi tahun 2016.

55. Dengan mengambil kira jumlah hasil melebihi jumlah perbelanjaan, Kerajaan Negeri sekali lagi membentangkan bajet lebihan (*surplus*) sejumlah 0.24 juta ringgit di dewan yang mulia ini. Bajet Lebihan 2017 menunjukkan Kerajaan Negeri terus berusaha

memperkukuh sumber kewangan negeri dengan memantap kutipan hasil dan mengawal aktiviti perbelanjaan secara berhemah.

56. Kerajaan Negeri turut memperketat proses kawalan ke atas perbelanjaan mengurus dan pembangunan supaya tidak melebihi anggaran hasil yang dikutip bertujuan mengimbangi kesinambungan komitmen terhadap perkhidmatan kerajaan dan pembangunan untuk jangka masa panjang. Pembahagian peruntukan adalah berdasarkan keutamaan dari segi keberhasilan projek atau program, keperluan sebenar dan keupayaan sesuatu jabatan.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,
Ahli-ahli Yang Berhormat;

57. Bajet Negeri Melaka Tahun 2017 digubal dengan fokus meningkatkan keperluan rakyat dan memperkukuh ekonomi negeri dengan tema '*Menjana Pembangunan, Mensejahterakan Rakyat*'. Bagi mencapai matlamat ini, *game changers* berikut akan dilaksana sebagai pemangkin ke arah momentum yang signifikan seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat secara progresif berlandaskan empat strategi utama:-

PERTAMA : MENINGKATKAN TARAF HIDUP RAKYAT;

**KEDUA : MENGGIATKAN SEKTOR PELANCONGAN
NEGERI;**

**KETIGA : MELAKA SEBAGAI NEGERI PERINTIS
PEMBANGUNAN HIJAU DI MALAYSIA; DAN**

**KEEMPAT : MEMPERKASA INTEGRITI DALAM TADBIR URUS
KERAJAAN.**

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,
Ahli-ahli Yang Berhormat,**

STRATEGI PERTAMA:

MENINGKATKAN TARAF HIDUP RAKYAT

Membasmi Kemiskinan

58. Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bersama-sama melakukan pelbagai usaha dalam meningkatkan taraf hidup rakyat bagi memastikan rakyat dapat menjalani kehidupan dengan selesa, tiada yang tercicir daripada menikmati manfaat kemakmuran dan pembangunan negeri. Hakikatnya, maju mundur sesebuah negara sama ada di Amerika, Eropah atau Jepun, *there will always be vulnerable groups, mereka yang berpendapatan rendah, golongan gelandangan dan yang tidak mempunyai pekerjaan.*

Mengurangkan Kadar Kemiskinan

59. Kerajaan akan terus menangani golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah yakni *Bottom 40 percent (B40)* (isi rumah dengan pendapatan bulanan sehingga RM3,855). Kerajaan telah mengambil langkah membantu meningkatkan pendapatan golongan kurang bernasib baik dengan cara pemberian bantuan ekonomi yang dapat menjana pendapatan supaya terkeluar daripada garis kemiskinan atau miskin tegar.

60. Antara program atau bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:-:

Pertama : Program Peningkatan Pendapatan (PPP) dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Sasaran kepada golongan miskin tegar dan berpendapatan rendah. Tujuannya menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan untuk membolehkan kumpulan sasar menjalankan projek ekonomi dalam pelbagai sektor. Peserta dibekalkan dengan peralatan perniagaan untuk projek makanan sejuk beku, jahitan, memotong rumput dan lain-lain yang mampu meningkatkan pendapatan Isi Rumah penerima bantuan tersebut. Sehingga 31 Ogos 2016, Melaka menerima peruntukan sebanyak 200 ribu ringgit bagi 20 orang peserta.

- Kedua** : Program Kiosk Penjaja Bandar dilaksanakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang menasaskan peserta e-kasih dan kumpulan B40. Program bantuan ekonomi dalam bentuk Kiosk Penjaja ini menasaskan seramai 1450 peserta dengan kadar maksimum bagi seunit kiosk adalah 15 ribu ringgit.
- Ketiga** : Bantuan Geran Pelancaran kepada penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang berhasrat memulakan perniagaan atau mempunyai perniagaan sedia ada untuk meningkatkan lagi pendapatan dan membuka ruang pekerjaan bagi peserta yang lain. Sehingga 31 Ogos 2016 seramai 20 orang peserta menerima maksima 27 ribu ringgit dan pemberian adalah secara *one-off*.
- Keempat** : Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 3.0 diberikan kepada para belia dan beliawanis yang berjinak-jinak berkecimpung dalam bidang perniagaan untuk menjadi usahawan berjaya.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,
Ahli-ahli Yang Berhormat,**

Program Rimbunan Kaseh

60. Program Rimbunan Kaseh dilaksana sejak 2013 bertujuan menaik taraf hidup keluarga miskin terpilih. Harapan kerajaan, mereka yang terlibat dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik, keluar daripada kepompong kemiskinan dan memperolehi pendapatan lebih tinggi. Program yang diusahakan di atas tanah seluas 17.5 ekar milik Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) ini disertai 97 penerima zakat kategori asnaf miskin.

61. Program Rimbunan Kaseh yang merangkumi projek pertanian dan perikanan dilaksana menggunakan sistem berteknologi tinggi seperti *autopots* dan *aquaponics*. Antara tanaman yang diusahakan ialah *rock melon*, limau kasturi dan nangka. Para peserta dididik dan dilatih sebagai petani moden dan terikat dengan perjanjian di antara syarikat IRIS Coporation Berhad selama lima tahun yang berakhir pada 2018. Para petani melaksana kerja-kerja penternakan dan pertanian secara hidroponik dengan pendapatan 1,500 ringgit sebulan.

Saluran Bantuan Kepada Semua Lapisan Masyarakat

62. Kerajaan negeri tidak pernah mengkesamping golongan berpendapatan rendah dan mereka yang memerlukan dalam memacu pembangunannya. Sehingga kini, sejumlah 27,033 penerima bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat. Daripada jumlah ini, golongan penerima Ibu dan Bapa Tunggal ialah 10,711

orang, Warga Emas seramai 8,348 orang, dan Orang Kelainan Upaya dan pesakit kronik terlantar adalah 7,974 orang.

63. Sehingga 31 Ogos 2016, Kerajaan Negeri membelanja 13.16 juta ringgit kepada 6,827 orang penerima bantuan Skim Bantuan Negeri. Manakala Kerajaan Persekutuan membelanja 53.2 juta ringgit kepada 20,002 orang penerima bantuan Skim Bantuan Persekutuan. Bermula Mei 2016, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri memperkenalkan dua tahun *exit program* yang menggalakkan penerima bantuan jabatan yang produktif agar berdikari melalui penglibatan secara aktif dalam pekerjaan atau program menjana pendapatan tanpa bergantung bantuan sebagai saraan hidup selama dua tahun. Kerajaan peruntukan 263 ribu ringgit kepada 90 orang penerima bantuan yang produktif.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker;
Ahli-ahli Yang Berhormat;

Bantuan Pendidikan

64. Kerajaan Negeri sedar bahawa menyediakan pendidikan berkualiti untuk anak-anak adalah kaedah terbaik melahirkan modal insan berpengetahuan, berkemahiran tinggi, kreatif, inovatif dan berdaya saing. Saya percaya, produktiviti yang digabung bersama kreativiti dan inovasi mampu melonjak kecekapan dan keberkesanan modal insan bakal pemimpin negara. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak 4 juta ringgit di bawah agensi negeri PERPUSTAM bagi menambahbaik kemudahan dan menggalakkan generasi muda memanfaatkan gerbang ilmu tersebut.

65. Penekanan dan tumpuan dalam bidang pendidikan sering menjadi tumpuan dengan pemberian bantuan kepada pelajar. Kerajaan Negeri dan agensi penyumbang yang peka terhadap pendidikan negeri sentiasa bekerjasama menyediakan sejumlah peruntukan melalui Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) dengan anggaran jumlah 7.7 juta ringgit. Pada tahun 2017, TAPEM akan membelanjakan anggaran sejumlah 22.3 juta ringgit untuk keperluan:-

Pertama : Pinjaman Pendidikan Tinggi - 11.4 juta ringgit;

Kedua : Pinjaman Pelajar Luar Negara - 2.4 juta ringgit;

Ketiga : Pinjaman Pelajar Luar Melaka (KUIM dan Kolej Stamford)
- 0.7 juta ringgit;

Keempat : Pinjaman Doktor falsafah dan Ijazah Sarjana - 0.1 juta ringgit;

Kelima : Biasiswa dan dermasiswa - 4.6 juta ringgit;

Keenam : Bantuan ke IPT - 2.4 juta ringgit; dan

Ketujuh : Lain-lain bantuan seperti Anugerah Pelajar Cemerlang -
0.7 juta ringgit.

66. Sebagai bukti kerajaan berjiwa rakyat dan mementingkan pendidikan, Kerajaan Negeri turut mempelbagai bantuan pendidikan. Bagi merangsang semangat pelajar menjelang peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), kita bersetuju memberi ganjaran satu ribu ringgit kepada mereka yang memperoleh semua A dalam sembilan mata pelajaran wajib. Saya berharap 14,786 calon pelajar yang bakal menduduki SPM bermula 7 November 2016 akan menyahut cabaran ini.

Program Simpanan SSPN-i

67. Kerajaan Negeri dengan kerjasama Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) juga akan mewujudkan program simpanan SSPN-i untuk anak Negeri Melaka bermula 2017. Program ini seiring dengan konsep Satu Kelahiran Satu Akaun. Sumbangan pembukaan akaun SSPN-i yang akan diselaras oleh PTPTN bersama Jabatan Pendaftaran Negara adalah pada kadar 20 ringgit. Kita berharap, program ini dapat memupuk sifat menabung di samping menyedarkan ibu bapa tentang kepentingan penyimpanan wang bagi menjamin penggajian anak-anak di masa hadapan dianggarkan 300 ribu ringgit.

Bantuan Program Bahasa Inggeris Pelajar Luar Bandar

68. Kerajaan Negeri sedar penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar terutamanya di kawasan luar bandar masih lemah. Bagi mengatasi perkara ini, Yayasan Melaka selaku agensi penyelaras akan bekerjasama dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM) membantu meningkatkan pencapaian bahasa Inggeris murid yang bakal menduduki peperiksaan UPSR di negeri ini. Gerak kerja akan dilakukan menjelang Mac hingga Ogos 2017 dengan sasaran 1,200 murid daripada sekolah terpilih. Dengan peruntukan sebanyak 0.25 juta ringgit, kerajaan berharap dapat membantu membentuk generasi muda menguasai bahasa Inggeris.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker;
Ahli-ahli Yang Berhormat;**

Penyediaan Rumah Mampu Milik Untuk Rakyat

Rumah Mampu Milik(RMM)

69. Memiliki rumah adalah impian semua terutama bagi mereka yang berkeluarga. Pembangunan pesat dengan bangunan moden serta pencakar langit sahaja tidak mencukupi jika warganya masih dibelenggu masalah memiliki rumah idaman. Kerajaan Negeri prihatin dan bersungguh menyediakan rumah yang selesa, berkualiti dan mampu dimiliki terutama bagi kumpulan *Middle 40* (M40 - isi rumah berpendapatan antara 3,860 ringgit hingga 8,319 ringgit). Kerajaan menetapkan harga rumah harus berpatutan dan tidak melebihi 180 ribu ringgit seunit. Bagi tujuan tersebut, kerajaan telah merangka Pelan Penyediaan RMM sebanyak 55 ribu unit secara komprehensif dan holistik dengan 25 ribu projek diselia oleh agensi kerajaan manakala 30 ribu projek lagi dikendali pemaju swasta.

70. Kesemua projek perumahan tersebut telah dikenalpasti dan akan dibangun secara berperingkat di tiga daerah di negeri ini. Antara projek RMM yang sedang berjalan adalah di Lipat Kajang, Taman Pertam Jaya, Taman Bukit Larang, Taman Pokok Mangga, Projek Pulau Melaka, Air Pasir Perdana dan Machap.

71. Selain Lembaga Perumahan Melaka, Perbadanan Kemajuan Tanah dan Adat Melaka (PERTAM) turut menggembelng usaha menawarkan Rumah Mampu Milik kepada golongan bumiputera.

Projek pembangunan Bandar Jasin Bestari fasa satu hingga enam yang sedang dalam pembinaan menitikberatkan pertambahan pemilikan lot bumiputera sebanyak 1,282 unit rumah kediaman dan 311 unit perniagaan. PERTAM turut terlibat dalam pembinaan Rumah Pangsapuri yang berharga dari 106 ribu ringgit hingga 118 ribu ringgit seunit.

Projek Perumahan Rakyat (PPR)

72. Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga cenderung membantu mempergiat usaha melaksana pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR). Terkini di Krubong yang baharu siap dibina pada 25 September 2016. Sebanyak 600 unit rumah dijual dengan anggaran harga antara 40 ribu ringgit. Mekanisme pemilihan pemohon rumah dilaksana secara telus menerusi jawatankuasa yang dianggotai oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Pejabat Daerah serta jabatan teknikal. Kerajaan negeri menerusi Kumpulan Melaka Berhad (KMB) turut menyedia sejumlah 300 unit rumah PPR di Mukim Klebang Besar dengan kos projek sebanyak 42 juta ringgit.

Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)

73. Pembinaan Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) jenis pangsapuri di Ayer Keroh dengan anggaran harga 220 ribu ringgit juga telah membuka peluang kepada penjawat awam berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah idaman.

74. Khazanah *Research Institute* melalui kajian bertajuk *Making Housing Affordable tahun 2015* melaporkan bahawa negeri yang menyediakan rumah pada harga yang sangat berpatutan dan mudah dimiliki di Malaysia ialah Melaka. Sesungguhnya lebih banyak Rumah Mampu Milik dan Perumahan Rakyat disediakan sebagai usaha meningkatkan kualiti kehidupan rakyat.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker;
Ahli-Ahli Yang Berhormat;

Meningkatkan Keselesaan Rakyat

Penyediaan Infrastruktur

75. Kerajaan Negeri terus memantapkan pembangunan infrastruktur serta kemudahan awam bagi memastikan rakyat terus menikmati kemudahan berkualiti di samping memperluas aksesibiliti ke kawasan terpencil. Keadaan ini mendorong keaktifan persekitaran ekonomi yang baharu secara konstruktif. Pada Tahun 2017, peruntukan untuk projek pembangunan baharu dan projek sambung:

- Pertama : projek menggali dan mendalamkan muara Sungai Melaka dan Sungai Duyong dianggarkan 3.82 juta ringgit;
- Kedua : kerja-kerja pemasangan pagar di empangan dan pengorekan sediment empangan dianggarkan 2.0 juta ringgit;

- Ketiga** : mengganti baharu jambatan Sungai Duyong, daerah Melaka Tengah dianggarkan 2.54 juta ringgit;
- Keempat** : tebatan banjir dianggarkan 2.2 juta ringgit;
- Kelima** : projek sambung pembinaan Sekolah Rendah Agama bernilai 8 juta ringgit;
- Keenam** : menaiktaraf Galeri Seni Rakyat, Muzium Demokrasi, Muzium Tuan Yang Terutama dan Muzium Belia dianggarkan 0.5 juta ringgit;
- Ketujuh** : menaiktaraf perpustakaan dianggarkan 0.5 juta ringgit;
- Kelapan** : naiktaraf rangkaian teknologi maklumat dianggarkan 0.6 juta ringgit; dan
- Kesembilan** : projek sambungan bagi kerja membina baharu dan menaiktaraf infrastruktur di kawasan Seri Bendahara dan Kompleks Seri Negeri dianggarkan 2.89 juta ringgit.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker;

Ahli-ahli Yang Berhormat;

Projek Pembinaan Lebuhraya Limbongan Klebang

76. Kerajaan Negeri berhasrat membina Lebuhraya (Pesisir Pantai) Limbongan-Klebang sejauh 6.3 kilometer bagi mengatasi kesesakan lalu lintas di Bandaraya Melaka khusus pada cuti hujung minggu dan cuti umum. Perancangan ini sebagai usaha menyediakan laluan alternatif ke Klebang (Dataran 1 Malaysia). Projek

yang melibatkan anggaran kos bernilai 9.45 juta ringgit ini merupakan usahasama (NBOS) kerajaan dan pihak swasta yang dibangunkan dengan pelbagai projek di lokasi penambakan laut tersebut. Pembinaan lebuhraya kini di peringkat pembinaan jambatan merentasi Sungai Seri Melaka atau Sungai Malim yang dijangka siap selewat-lewatnya Februari 2017. Kerajaan Negeri berharap terbinanya projek lebuhraya ini mampu meningkatkan ekonomi penduduk dan memajukan sektor pelancongan.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker;

Ahli-Ahli Yang Berhormat;

Tebatan Banjir

77. Pembangunan pesat yang merangkumi pembangunan perumahan, perindustrian dan pembinaan infrastruktur telah menjadi salah satu punca utama yang mengakibatkan berlakunya banjir. Sehubungan itu, kerajaan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran negeri telah memohon peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak 63.8 juta bagi melaksana projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Melaka dalam usaha mengurangkan risiko bencana banjir di negeri ini. Empat projek pembesaran dan pembinaan kolam takungan tersebut ialah kolam takungan banjir Gadek, Seri Bayu dan Sungai Batang Tampin dan Kampung Pulau, Durian Tunggal.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker;
Ahli-ahli Yang Berhormat;**

Projek Bekalan Air

78. Isu umum utama berhubung bekalan air adalah kadar NRW yang tinggi, liputan yang rendah di kawasan luar bandar, kos operasi yang tinggi dan ketidakmampuan kewangan operator perkhidmatan. Kerajaan negeri Melaka adalah di antara enam negeri yang telah beralih ke rejim pelesenan baharu selaras dengan keperluan *Water Service Industry Act (WSIA)*. Bagi memastikan kebajikan serta kemudahan akses air bersih kepada rakyat diutamakan, Kerajaan Negeri bersama-sama Kerajaan Persekutuan meluluskan peruntukan sejumlah 163.2 juta ringgit bagi pembinaan sebuah empangan baharu iaitu Empangan Jernih di Daerah Alor Gajah. Empangan yang berkapasiti 13,000 juta liter air ini dijangkasiap menjelang April 2019.

79. Dengan terbinanya empangan ini kelak, Kerajaan Negeri mampu merektifikasi masalah bekalan air yang meruncing terutamanya di kawasan Masjid Tanah dan Daerah Alor Gajah. Penglibatan dan sokongan semua khususnya penduduk setempat amat diharapkan sekali gus berupaya melerai permasalahan rakyat secara pragmatik.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker;
Ahli-ahli Yang Berhormat;**

Projek Keretapi Laju (HSR)

80. Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana memilih Melaka sebagai salah satu sub stesen laluan HSR dari Kuala Lumpur ke Singapura yang dianggar sejauh kira-kira 350 kilometer. Pemilihan ini telah dimuktamadkan melalui Majlis menandatangani Perjanjian Persefahaman (MOU) projek Keretapi Laju (HSR) antara Malaysia dan Singapura. Cadangan laluan bermula 7 km dari pusat bandaraya Kuala Lumpur dan berakhir di Jurong Timur, Singapura dengan jarak perjalanan kira-kira 90 minit berbanding lima jam melalui jalan raya. Kerajaan Negeri optimis fasiliti ini memberi nafas baharu ke atas jajaran logistik pengangkutan negeri yang memberi *value add* kepada rangkaian pembangunan ekonomi.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker;
Ahli-ahli Yang Berhormat;**

Pelabuhan Tanjung Bruas

81. Melaka merupakan pusat perdagangan tersohor pada abad ke-15 dan awal abad ke-16. Kedudukan yang strategik di pertengahan laluan Selat Melaka menjadikannya pelabuhan persinggahan penting kepada pelayar dan pedagang dari timur dan barat. Bagi mengembalikan kegemilangan tersebut, Kerajaan Negeri melalui Kumpulan Melaka Berhad dengan usahasama *Seaport Terminal* Johor akan menaiktaraf Pelabuhan Tanjung

Beruas yang berperanan sebagai *feeder port* dengan kos sebanyak 160 juta ringgit secara berfasa.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker;
Ahli-ahli Yang Berhormat;

Penerbangan Terus Dari Guangzhou, China Ke Melaka

82. Jalinan hubungan Melaka-Guangdong dilihat sebagai landasan terbaik dalam meningkatkan peluang ekonomi negeri. Hubungan ini terbukti berhasil apabila tercetusnya inisiatif penerbangan sulung dari Lapangan Terbang Antarabangsa Baiyun ke Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) di Batu Berendam Melaka pada 29 September 2016. Penerbangan sewa khas dua hala itu dikendalikan oleh syarikat penerbangan *China Southern Airlines* (CSA) menggunakan pesawat jenis Airbus A319 dan Boeing B73G. Melaka bakal menerima lebih ramai pelancong China melalui 27 penerbangan yang dijadual sehingga 3 Januari 2017.

Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri

83. Kerajaan Persekutuan terus komited dalam pemberian geran MARRIS kepada Kerajaan Negeri pada setiap tahun yang bertujuan menyelenggara jalan yang melibatkan jalan negeri, jalan bandaran, jalan kampung, jalan pertanian, jalan di kawasan perumahan dan jalan di pulau pelancongan. Pada tahun 2017, dianggarkan sebanyak 85 juta ringgit pemberian MARRIS diagih-agihkan kepada agensi pelaksana iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan

Pengairan dan Saliran (JPS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan semua Pejabat Daerah Dan Tanah.

Penyediaan Kemudahan Infrastruktur Oleh Pihak Berkuasa Tempatan

84. Selanjutnya, Pihak Berkuasa Tempatan negeri melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), berperanan melaksana pelbagai projek infrastruktur dan kemudahan awam di setiap PBT menggunakan peruntukan di bawah RMK-11 sebanyak 52.5 juta ringgit. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah 15.4 juta ringgit bagi melaksana 335 buah projek melalui *Rolling Plan Pertama* (RP1). Antara projek yang sedang dan bakal dijalankan adalah seperti berikut:

- Pertama : menaiktaraf perhentian bas kepada terminal bas dan teksi di Masjid Tanah dengan nilai peruntukan 2.5 juta ringgit dijangka siap pada tahun 2018;**
- Kedua : menaiktaraf Pusat Niaga di Plaza Sungai Udang dengan Peruntukan 0.9 juta ringgit;**
- Ketiga : menaiktaraf Dewan Serbaguna di Alor Gajah dengan peruntukan 0.5 juta ringgit; dan**
- Keempat : pembinaan Pasar Baharu Nyalas, Jasin dengan peruntukan 0.58 juta ringgit.**

**YB Datuk Wira Speaker;
Ahli-Ahli Yang Berhormat;**

Kemajuan Sukan

85. Kerajaan negeri mengikuti perkembangan sukan dan memberi perhatian yang cukup serius kerana kerajaan percaya, melalui sukan, boleh meningkatkan imej dan perhatian dunia terhadap sesebuah negeri atau negara. Maka untuk mencapai tahap ini, pembangunan sukan memerlukan eko-sistem yang komprehensif meliputi infrastruktur, pengurusan dan kejurulatihan, pembentukan bakat dari awal di samping memastikan kebajikan atlet terjaga. Bagi meneruskan kecemerlangan anak-anak muda kita di persada dunia di samping menjitukan lagi transformasi skuad bola sepak, Kerajaan Negeri meneruskan pemberian tahunan sejumlah 1.8 juta ringgit kepada Majlis Sukan Negara serta sumbangan kerajaan dari semasa ke semasa dalam Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Sukan, 200 ribu ringgit sumbangan tahunan kepada MUSA dan 300 ribu ringgit kepada Perbadanan Stadium bagi tujuan kelangsungan fungsi Perbadanan.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker;
Ahli-ahli Yang Berhormat;**

Belia

86. Kerajaan Negeri juga sentiasa memastikan penglibatan aktif belia di semua peringkat masyarakat melalui perancangan pelbagai program. Sesungguhnya belia merupakan generasi kepimpinan yang harus diberi peluang untuk bergiat aktif di akar umbi bagi

merekayasa suara rakyat selaras dengan dasar pembangunan belia. Lantikan empat orang ahli majlis dan empat orang ahli parlimen belia dari Negeri Melaka membuktikan kredibiliti dan kelantangan pucuk kepimpinan kumpulan belia. Kerajaan Negeri akan sentiasa memberi perhatian kepada golongan tersebut.

Fasiliti Kesihatan

87. Dalam tempoh RMK-10, kesejahteraan rakyat telah dipertingkatkan melalui tumpuan berterusan terhadap perkhidmatan penjagaan kesihatan. Kerajaan telah menambah baik akses perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti dengan menaiktaraf infrastruktur kesihatan, meningkatkan kapasiti personel kesihatan, menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan memperluas program rawatan pencegahan penyakit. Dibawah *Rolling Plan* Pertama tahun 2016, Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), Kerajaan Persekutuan telah memperuntuk sebanyak 449.19 juta ringgit bagi 139 projek. Antara projek yang sedang berjalan dan cadangan membina Klinik Kesihatan adalah seperti berikut:-

- Pertama : Klinik Kesihatan di Kuala Sungai Baru bernilai 16.95 juta ringgit dengan kuarters serta Klinik Desa Lendu bernilai 1.6 juta ringgit dijangka siap pada Oktober 2016;
- Kedua : Klinik Kesihatan di Ayer Molek yang bernilai 19.35 juta ringgit masih di peringkat pembinaan dan dijangka siap pada 16 September 2018; dan

Ketiga : Klinik Kesihatan di Rembia yang berjumlah 21.05 juta ringgit masih di peringkat pembinaan dan dijangka siap pada 11 April 2018.

STRATEGI KEDUA:

MENGGIATKAN SEKTOR PELANCONGAN NEGERI

Prospek Pelancongan Melaka

88. Sektor pelancongan merupakan penyumbang kelima kepada Pendapatan Negara Kasar iaitu 61 billion ringgit. Industri ini terus menjadi sumber utama tukaran asing menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, pelaburan dan guna tenaga serta mengukuhkan akaun perkhidmatan dalam imbalan pembayaran. *The World Tourism Barometer* tahun 2014 meletakkan Malaysia di kedudukan ke-12 kehadiran pelancong seramai 27.4 juta. Jika dilihat dari segi sumbangan pendapatan Negeri Melaka pada tahun 2015, sektor perkhidmatan ini merupakan penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan mencatatkan 46.8 peratus atau RM14.763 Bilion daripada pendapatan keseluruhan Negeri Melaka.

89. Menyedari kepentingan pelancongan kepada ekonomi Melaka, kerajaan negeri tidak pernah berhenti membangun dan melaksana usaha dan strategi memastikan sektor ini berkembang maju. Tahun ini pelbagai acara besar telah, sedang dan akan berlaku. Kita mengharapkan dengan adanya acara-acara ini dapat membantu meningkatkan angka kehadiran pelancong kepada 16.5 juta pelancong.

90. Sejak 17 tahun kebelakangan ini (1999-2015), sejumlah 130.28 juta pelancong telah melawat Melaka dengan purata peningkatan hampir 12.5 peratus setahun dan tempoh bermalam 2.01 malam. Dalam jangka masa ini, 96.94 (96,948,029) juta orang atau 74.42 peratus pelancong domestik dan 33.52 (33,528,061) juta orang atau 25.58 peratus pelancong asing telah melawat Melaka. Keberhasilannya menyumbang pendapatan sebanyak 16.75 billion ringgit.

91. Kejayaan Melaka diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada 7 Julai 2008 atas usaha mengekal dan memulihara objek warisan dunia telah mengangkat status pelancongan negeri ini. Kejayaan ini terbukti apabila Melaka tersenarai sebagai destinasi pelancongan yang mesti dilawati oleh akhbar *The New York Times* tahun 2012. Melaka menduduki tangga ke-28 dari 45 buah destinasi pelancongan yang terpilih di serata dunia. Laman Web Tripadvisor.com turut menyenaraikan beberapa buah muzium di Melaka sebagai muzium terbaik di Malaysia. Empat buah muzium tersebut berdasarkan kategori ialah: -

- i) Tempat Kedua - Muzium Straits Chinese Jewelry Melaka;
- ii) Tempat Keempat - Muzium Baba & Nyonya;
- iii) Tempat Ketujuh- Villa Sentosa; dan
- iv) Tempat Kesepuluh - Melaka Heritage Centre.

Acara Pelancongan & Program Promosi

92. Bagi menggalakkan kehadiran pelancong, Kerajaan Negeri meneruskan misi pelancongan dengan menganjurkan pelbagai acara pelancongan setiap tahun. Antaranya:-

- *Raptor Watch Week;*
- *Melaka International F3000 Powerboat Championship;*
- *Melaka International Dragon Boat Race;*
- **Fiesta Antarabangsa Sungai Melaka;**
- **Festival Kuih Aidilfitri Negeri Melaka;**
- **Sambutan Malam Tujuh Likur;**
- *Fiesta San Pedro;*
- **Sambutan Melaka Bandaraya Warisan Dunia UNESCO;**
- *Melaka UEA Summit.*

93. Pada tahun 2017, program promosi pelancongan akan diteruskan ke beberapa negeri di Malaysia bagi pasaran domestik. Begitu juga di Indonesia, Singapura dan China bagi pasaran luar. Bagi promosi pasaran kedua iaitu di Taiwan, Hong Kong dan Jepun, Kerajaan Negeri dengan kerjasama agensi lain akan menyertai misi jualan anjuran Tourism Malaysia dan menganjurkan *Familiarization Tour* (Fam Tour) untuk agen kembara dan media dari negara pasaran baharu seperti India, Vietnam, Myanmar, Sri Lanka, Korea Selatan dan Thailand. Promosi dilaksanakan melalui *market segmentation* 12 Sub-Sektor Pelancongan.

94. Selain itu, Kerajaan Negeri turut menerapkan nilai *think tourism* dan *act tourism* ke arah menggiatkan usaha mempromosi Melaka sebagai destinasi pelancongan utama negara. Tapak warisan UNESCO akan berwajah baharu tanpa pencemaran dengan mempraktik amalan hijau melalui penggunaan kenderaan elektrik dan basikal. Kempen '*Don't Mess With Melaka*' bukan sahaja kempen kebersihan tetapi kerajaan mengharapkan dapat membudaya sikap rakyat memulangkan barang yang keciciran kepada pemiliknya jika ditemui.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker;
Ahli-ahli Yang Berhormat;**

ICT Pelancongan

95. Dunia bakal menyaksikan *new form* dalam industri pelancongan iaitu *Virtual Tourism* yang menjangkakan perubahan terhadap sistem dan perjalanan industri pelancongan itu sendiri. Pelbagai teknologi dan inovasi baharu bakal dicipta dan direalisasi menjelang era tersebut. Antaranya kewujudan *Virtual Web Media* yang membolehkan pelancong meneroka tempat yang ingin dilawati secara *real time* sebelum melancong di kawasan tersebut. *Destination Melaka* merupakan inisiatif Tourism Melaka yang telah menjalin perkongsian pintar bersama Telekom Malaysia. Aplikasi mudah alih ini telah dilancarkan pada 27 Januari 2016 bagi memenuhi permintaan pelancong mendapatkan maklumat Melaka dengan lebih mudah menggunakan teknologi hanya di hujung jari.

Ikon Pelancongan

96. Selain promosi, produk pelancongan baharu yang menjadi tarikan dan mesti dilawati ialah *Machap Walk*. *Machap Walk* merupakan *compliment* kepada *Jonker Walk* yang mampu menjadi kawasan tumpuan pelancong. Begitu juga dengan pembukaan *Skytrex Adventure* di Hutan Rekreasi Taman Botanikal, Ayer Keroh dan Taman Ekstrem Tasik Chin Chin, Jasin yang dilihat mampu mempopularkan aktiviti sukan lasak dan rekreasi bertaraf antarabangsa. Di samping itu, pakej mengeliling pulau atau *Island Hopping* ke Pulau Nangka, Pulau Dodol dan pulau berhampiran Pulau Besar dapat memenuhi permintaan pelancongan rekreasi.

Pelancongan Pertanian

97. Dari sebuah kawasan perkampungan yang bergantung kepada sektor pertanian sebagai sumber pendapatan penduduknya, kini sektor pelancongan mengambil alih peranannya dan berkembang pesat mempopularkan Sungai Rambai sebagai antara produk agro yang tidak boleh dilepaskan. Sungai Rambai Agrotourism Park di Batu Gajah merupakan produk pelancongan yang menelan belanja sehingga 3.86 juta ringgit. Kawasan ini bakal menempatkan rusa-rusa pelbagai baka seperti *Timorensis*, *Axix-axis* dan baka Sambar dilengkapi kemudahan *chalet* dan restoran untuk pelancong menginap dan menikmati suasana di sini. Aktiviti Sungai Rambai *River Cruise* dan *Aerodrome* Sungai Rambai diteruskan sebagai mercu tanda pembangunan di kawasan ini.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker;

Ahli-ahli Yang Berhormat;

Pemuliharaan dan Publisiti

98. Muzium merupakan nadi penting yang tersimpan di dalamnya khazanah negeri yang cukup berharga. Unsur artifak atau bahan pameran dan cara persembahan memainkan peranan untuk tarikan pelancong dengan mengekalkan keaslian dan keutuhan bangunan warisan zaman kolonial. Selaras dengan fungsi untuk membantu, mengusaha, memaju dan menyelaraskan penubuhan dan perkembangan muzium negeri, kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak 2.5 juta ringgit untuk tujuan pengurusan dan 0.5 juta ringgit untuk pembangunan.

**YB Datuk Wira Speaker,
Ahli-Ahli Yang Berhormat;**

STRATEGI KETIGA:

**NEGERI MELAKA SEBAGAI PERINTIS PEMBANGUNAN HIJAU DI
MALAYSIA**

99. Dalam dekad mendatang ini, pembangunan sosioekonomi akan beralih daripada trajektori pembangunan konvensional “*grow first, clean-up later*” yang berkos tinggi kepada trajektori Pembangunan Hijau. Dalam memastikan kemampanan dan daya tahan pembangunan melalui pembangunan hijau, kerajaan memberi tumpuan kepada empat bidang utama iaitu:

- Memperkukuh persekitaran menyokong pertumbuhan hijau;
- Mengguna pakai konsep penggunaan dan pengeluaran mampan;
- Pemuliharaan sumber asli untuk generasi masa kini dan masa hadapan; dan
- Memperkukuh daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana alam.

100. Pembangunan hijau memerlukan transformasi *fundamental* dalam aspek perundangan dan garis panduan yang terpakai untuk perniagaan, membimbing pengguna membuat keputusan pembelian barangan dan dalam mengurus tenaga dan sumber asli negeri. Perubahan yang bersifat inovatif, melibatkan teknologi hijau baharu atau teknologi terkini selaras dengan konteks Malaysia. Oleh itu, penting untuk kita mewujudkan komitmen

jangka panjang daripada pihak berkepentingan termasuk pihak industri, masyarakat sivil dan rakyat. Pelaksanaan strategi pertumbuhan hijau akan mengambil masa dan pada masa yang sama langkah dan instrumen membina keupayaan, memantau dan menilai keberkesanan program dan inisiatif pertumbuhan hijau akan diwujudkan. Tiga strategi berikut mampu mewujudkan persekitaran tersebut iaitu:

- Memperkukuh tadbir urus untuk memacu transformasi;
- Meningkatkan kesedaran mewujudkan perkongsian tanggungjawab; dan
- Mewujudkan mekanisme kewangan mampan.

101. Kerajaan percaya, kepesatan pembangunan akan pasti membawa kepada peningkatan populasi sekali gus menyebabkan kadar permintaan terhadap sesuatu keperluan meningkat. Maka, melalui agensi terbabit, kerajaan akan memastikan pengurusan sumber semula jadi seperti pelepasan gas karbon dioksida dan pembuangan sisa pepejal contohnya, dapat diurus dengan baik supaya tidak menjejaskan kualiti hidup manusia dan alam sekitar.

Pelan Induk Bandar Hijau Hang Tuah Jaya

102. Salah satu projek dalam Pelan Tindakan Hijau Negeri Melaka (GCAP) adalah pembangunan Bandar Hijau Hang Tuah Jaya. Projek berkenaan merupakan pembangunan pertama di luar Putrajaya dan Cyberjaya menggunakan konsep teknologi hijau. Satu pelan induk sedang disediakan bagi memandu arah pembangunan mencapai hasrat negeri sebagai '*Negeri Bandar Teknologi Hijau*' dengan cadangan pembesaran Bandar Hijau Hang Tuah Jaya berkeluasan 3,549 ekar

kepada 5,152 ekar meliputi kawasan Kompleks Seri Negeri, Zoo Melaka, Kelab Golf Ayer Keroh dan kawasan pembangunan perumahan Baba Nyonya di Gapam.

103. Penyediaan Pelan Induk Bandar Hang Tuah Jaya akan mengambil masa 6 bulan dan dijangka siap pada September 2017. Matlamat pelan induk ini adalah sebagai pelan tindakan pembangunan yang komprehensif bagi memandu arah pembangunan hijau yang merangkumi tiga aspek iaitu :

- Pertama : Semua bangunan yang dibina digalakkan memenuhi keperluan dan mendapat sijil pengiktirafan Melaka Green Seal atau lain-lain sistem penarafan;**
- Kedua : Kejiranan Hijau iaitu mempunyai elemen hijau termasuk jaringan koridor dan ruang hijau yang ditanam dengan tumbuhan hijau di sepanjang jalan, penanaman landskap di atas lot atau ruang persendirian; dan**
- Ketiga : Bandar Karbon Rendah yang membuktikan keupayaan tinggi dalam penggunaan tenaga yang efisien dan sumber tenaga yang rendah serta mengadaptasi corak yang konsisten dengan pengeluaran gas rumah hijau yang rendah**

104. Projek utama yang telah dilaksana di Bandar Hijau Hang Tuah Jaya adalah seperti Pusat Rehabilitasi Perkeso, Rumah dan Dewan Citra Kasih, Ladang Solar Gading Kencana 8MV dan dua projek perumahan yang dalam pembinaan. Kerajaan Negeri akan berusaha memastikan pembangunan di negeri ini adalah berlandaskan

teknologi hijau selain terus mendidik rakyat agar menjaga alam sekitar secara menyeluruh.

Meningkatkan Kualiti Hidup Manusia Dan Alam Sekitar

105. Kerajaan negeri melalui Perbadanan Teknologi Hijau (PTHM) telah merangka dan melaksana pelbagai inisiatif memastikan kelestariannya di sebalik pembangunan yang memesat. Galakan terus diterima menyokong pelaksanaan Hari Tanpa Beg Plastik bukan sahaja di pasar raya tetapi juga di kedai runcit serta pasar malam. Satu jawatankuasa dibentuk bagi mengkaji bentuk undang-undang untuk menguatkuasa arahan ini. Sehubungan itu sebanyak 0.75 juta ringgit dana galakan kepada Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM) diperuntukkan untuk melaksana pelbagai program dan aktiviti di peringkat akar umbi.

106. Alhamdulillah, kita terus mendapat pujian dalam usaha cemerlang pembangunan teknologi hijau khusus yang melibatkan pelancongan. Saya selaku Ketua Menteri dilantik sebagai Pengerusi Majlis Hijau (IMT-GT bagi negara ASEAN yang bersidang setahun sekali dan kali ini penganjuran di Melaka, tahun 2017 di Songkla dan tahun berikutnya di Aceh. Pelaksanaan pelan tindakan di bawah rangka kerja serantau ini membuka peluang pelaburan baharu dengan sektor swasta membawa masuk pembiayaan, pengetahuan teknikal dan inovasi. Antara inisiatif yang sedang dilaksana ialah Transformasi Sungai Melaka, Pengangkutan Elektrik, *Melaka Green Seal*, Kitar Semula Sisa Pepejal serta Pusat Antarabangsa Teknologi Hijau.

Inisiatif Pengasingan Sisa Pepejal

107. Kerajaan Negeri menyahut seruan Kerajaan Persekutuan melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dengan melakukan pengasingan sisa pepejal sepenuhnya. Penguatkuasaan pada 1 Jun 2016 merupakan fasa ketiga pelaksanaannya. Sasaran kerajaan ialah pengurangan 30 peratus pembuangan sisa pepejal apabila penguatkuasaan Pengasingan Sisa Pepejal dilaksana sepenuhnya di negeri ini. Kutipan sampah dicatat mencecah 1,000 tan setiap hari di pusat pelupusan sampah Sungai Udang. Pelaksanaan sepenuhnya program ini diharap dapat mencapai sasaran Melaka sebagai negeri terbersih di Malaysia.

108. Berdasarkan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672), denda maksimum 1,000 ribu ringgit boleh dikenakan kepada mana-mana penghuni rumah yang tidak melaksana pengasingan sisa pepejal. Sekiranya disabit kesalahan oleh Mahkamah, isi rumah yang gagal mengasingkan sisa pepejal akan diberi notis amaran sebelum penguatkuasaan sepenuhnya undang-undang kepada mereka yang ingkar. Penguatkuasaan akta ini tepat pada masanya kerana mampu mengurangkan jumlah sampah sehingga 30 peratus ke tapak pelupusan, malah dijangka dapat meningkatkan kadar kitar semula melebihi 22 peratus menjelang 2020.

**YB Datuk Wira Speaker,
Ahli-Ahli Yang Berhormat,**

STRATEGI KEEMPAT:

MEMPERKASA INTEGRITI DALAM TADBIR URUS KERAJAAN

109. Malaysia mensasarkan menjadi antara 10 negara terbaik dalam pencapaian subindeks kecekapan kerajaan dalam *Indeks World Competitiveness Yearbook (WCY)*, antara 15 negara terbaik dalam EGD I bagi subindeks perkhidmatan dalam talian dan antara 30 negara terbaik dalam Indeks Persepsi Rasuah. Bagi mencapai sasaran ini, tumpuan beralih ke arah tadbir urus bersama rakyat dengan meningkatkan pemahaman berkaitan keutamaan rakyat, dan melibatkan mereka dalam perancangan dan penyampaian perkhidmatan. Prosedur birokrasi yang menghalang fasilitasi penyampaian perkhidmatan awam yang cekap akan dipermudah, data dimanfaatkan sepenuhnya, pertindanan dikurangkan dan akauntabiliti ditingkatkan.

110. Kerajaan akan terus berperanan sebagai penyedia perkhidmatan dengan memberi penekanan terhadap peranannya sebagai fasilitator. Usaha sama dengan sektor swasta dan komuniti juga akan ditingkatkan bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan. Pengaturan kerja yang lebih fleksibel disediakan bagi menggantikan persekitaran kerja tegar di samping menumpu kepada pengurusan bakat dan peningkatan keupayaan. Kerajaan akan beralih daripada pendekatan tradisional dalam penyampaian perkhidmatan berasaskan agensi kepada pendekatan keseluruhan

kerajaan yang berasaskan perkhidmatan dan maklumat dengan mengambil kira perspektif dan keutamaan rakyat.

111. Pemantapan tadbir urus terbaik melalui pengukuhan integriti adalah usaha berterusan yang menjadi asas penting dalam membudaya kerja cemerlang. Pengukuhan integriti adalah proses yang perlu dilakukan sepanjang hayat dan memerlukan usaha berterusan.

Ikrar Integriti Korporat

112. Apabila saya memperkenalkan slogan Berkat Tepat Cepat, saya percaya semua tindak tanduk kita dari segi agama dan undang-undang manusia, niat diambilkira sebagai perkara pokok atau utama. Kita mesti memulakan tindakan dengan niat untuk mendapat keberkatan. Dengan itu, gerak kerja ke arah hasil yang tepat dan cepat, Insya-Allah, adalah proses yang lurus. Sebaliknya jika kita memulakan tindakan hanya untuk tepat dan cepat belum tentu melalui proses yang lurus dan betul dan tentunya tidak akan mendapat keberkatan.

113. Sememangnya konsep integriti yang dilaksana dalam konteks pentadbiran kerajaan adalah sebuah prinsip yang bertepatan dengan ajaran Islam dan syariah. Al-Quran merakamkan banyak sekali perintah dan suruhan agar melaksana amanah, keadilan dan nilai-nilai luhur yang terkandung dalam takrifan integriti. Antara nas al-Quran yang membicarakan berkaitan sifat amanah dan jujur sepertimana firman-Nya dalam Surah Al-Anfaal, Ayat 27:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ
تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

Maksudnya: "*Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).*" (Surah Al-Anfaal, ayat 27).

114. Dalam konteks ini, rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan hanya akan menghalang pembangunan sesebuah negeri bahkan negara, meluaskan jurang kemiskinan, mengurangkan daya saing negara, melemahkan sistem pentadbiran yang akhirnya menjejaskan pencapaian matlamat meningkatkan kualiti hidup sejagat. Setiap ketua jabatan, Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi Kerajaan dan Anak-anak Syarikat Kerajaan yang menandatangani Ikrar Integriti Korporat diingatkan perlu peka kepada *warning signs*, serta mempunyai sikap sensitif kepada *corruption indicators* atau simptom rasuah dalam sesebuah jabatan.

115. Selain itu, sistem *check and balance*, *frequent monitoring*, dan *audit spot checks* juga perlu dilakukan dari semasa ke semasa, begitu juga kursus, dialog, seminar dilaksana dengan memfokuskan nilai-nilai murni dalam pembentukan jati diri dan pengukuhan budaya integriti.

Pembentukan Integriti Kakitangan Awam

116. Setiap individu bertanggungjawab terhadap pembentukan integriti diri. Menurut Aristotle, individu bermoral adalah apabila dia melakukan tindakan yang betul kerana mengetahui tindakan itu betul dan melakukannya secara konsisten sehingga menjadi budaya dalam dirinya. Saya percaya, kita boleh membentuk nilai moral yang baik melalui kebiasaan dan latihan.

Penarafan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)

117. Tadbir urus yang baik biasanya berkait rapat dengan pengurusan kewangan sesebuah organisasi. Pengurusan kewangan yang cekap pula akan menyumbang kepada pembangunan dan kemakmuran negara. Maka, setiap amanah yang dipertanggungjawabkan perlu diurus dengan baik sekali gus akan meningkatkan keyakinan rakyat kepada kerajaan.

118. Mulai tahun ini, tahap penarafan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara mulai tahun kewangan 2015 kepada semua jabatan negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan. Tahap penarafan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) dinaikkan daripada Sangat Baik (4 bintang) kepada Cemerlang (5 bintang) manakala markah bagi penarafan Tidak Memuaskan (1 bintang) dinaikkan daripada 49.9 peratus ke bawah kepada 59.9 peratus ke bawah selaras dengan Dasar Pemisah (*Exit Policy*). Syabas kepada Jabatan dan agensi yang menerima anugerah penarafan 5 Bintang Indeks Akauntabiliti tahun 2015 dalam mencapai tahap

kecemerlangan pengurusan kewangan di agensi masing-masing oleh Jabatan Audit Negara.

119. Jabatan tersebut adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Mahkamah Syariah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Majlis Perbandaran Alor Gajah, Jabatan Kerja Raya dan Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka. Sebagai menghargai pencapaian ini, Kerajaan Negeri bersetuju memberi insentif sebanyak 6 ribu ringgit kepada setiap jabatan. Jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang belum mendapat pengiktirafan *star rating* atau prestasi kerja mula menurun adalah diminta mengkaji dan memantapkan pengurusan jabatan dalam sektor dan bahagian masing-masing.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker;
Ahli-ahli Yang Berhormat;

Memperkuhkan Perancangan Projek

120. Pembangunan dan pemakaian amalan terbaik dalam pelaksanaan projek adalah penggerak transformasi perkhidmatan awam. Penekanan dalam RMKe-11 iaitu pengurusan projek yang cekap dan berkesan bagi memastikan projek disiapkan mengikut kos, kualiti dan tempoh masa ditetapkan. Penekanan ini memerlukan projek yang dilaksana mematuhi tiga prinsip, iaitu berimpak tinggi kepada rakyat, kos yang rendah dan pelaksanaan pantas. Penambahbaikan dalam pengurusan dan pelaksanaan projek akan dibuat di semua peringkat mencakupi perancangan, pelaksanaan serta pemantauan dan penilaian.

**YB Datuk Wira Speaker;
Ahli-Ahli Yang Berhormat;**

Menghargai Anggota Perkhidmatan Awam

121. Perkhidmatan awam adalah jentera kerajaan terpenting bagi menjayakan apa jua dasar dan program pembangunan. Cabaran besar yang dihadapi penjawat awam dalam memastikan keberkesanan sistem penyampaian sememangnya disedari dan difahami oleh kerajaan. Bagi menghargai para penjawat awam, Kerajaan Persekutuan dalam Bajet 2017 telah bersetuju menaikkan kemudahan had pinjaman pembelian motosikal daripada 5 ribu ringgit kepada 10 ribu ringgit serta menyediakan kemudahan pembelian smartphone dengan had pinjaman sehingga 5 ribu ringgit bagi setiap tiga tahun.

122. Kerajaan juga bersetuju memberikan cuti belajar bergaji penuh dengan biasiswa dipanjangkan kepada kumpulan pelaksana, cuti kuarantin lima hari tanpa rekod kepada penjawat awam yang anaknya sakit dan perlu dikuarantin, menaikkan had kemudahan pembiayaan perumahan penjawat awam kepada RM200,000 hingga RM750,000, menyiapkan 30,000 unit Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia dan dijual pada harga RM90,000 – RM300,000, melanjutkan perkhidmatan pegawai *contract of service* dan *contract for service* selama setahun, mewujudkan gred 56 bagi pegawai perubatan pakar dan pegawai pergigian pakar dan melantik secara kontrak graduan perubatan, pergigian dan farmasi selewat-lewatnya pada Disember 2016.

123. Bagi meringankan bebanan kos sara hidup, kerajaan bersetuju memberikan pemberian khas sebanyak 500 ringgit kepada 5195 orang penjawat awam dengan jumlah peruntukan 2.6 juta ringgit manakala pesara kerajaan akan menerima bantuan khas sebanyak 250 ringgit. Pemberian khas ini diharapkan dapat membantu mengurangkan stress penjawat awam dengan peningkatan perbelanjaan isi rumah terutama pada awal tahun. Bayaran akan dibuat pada awal Januari 2017.

YB Datuk Wira Speaker,
Ahli-ahli Yang Berhormat;

Penutup

124. Sesungguhnya, kita bersyukur kerana Melaka berjaya melangkah jauh, mencapai kemajuan dan kejayaan dengan iltizam serta sokongan padu para penjawat awam dan seluruh rakyatnya. Saya percaya, *when the going gets tough, the tough get going. When the situation becomes difficult, the strong will work harder to meet the challenge.* Saya dan pihak kerajaan memilih hanya SATU jalan iaitu terus melangkah ke hadapan.

125. Semoga taufik dan hidayah Allah SWT adalah bersama kita untuk terus menunaikan amanah dan tanggungjawab dalam pekerjaan yang sedang kita lakukan. Saya akhiri ucapan pagi ini dengan memetik firman Allah SWT dalam surah At-Thalaaq ayat 2 dan 3:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ تَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ۖ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ۚ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ بَلِغُ أَمْرِهِ ۗ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ۖ

“Barangsiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya akan diberikannya kelapangan (jalan keluar). Dan diberikannya rezeki yang tidak disangka-sangka. Dan sesiapa yang bertawakal kepada Allah, maka dicukupkannya (keperluannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala kehendak-Nya. Segala ketentuan itu telahpun ditakdirkan Allah.” (Surah At-Thalaaq, ayat 2 dan 3).

126. Semoga Bajet 2017 disokong dan dapat terus dimanfaatkan seluruh rakyat. Pada kesempatan ini, saya mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada Ahli Yang Berhormat serta seluruh rakyat Melaka yang beragama Hindu yang akan meraikan pesta cahaya ini pada 29 Oktober 2016.

128. Saya doakan majlis kita pada pagi ini dirahmati Allah SWT dan perpisahan kita selepas ini dilindungi-Nya dan kita semua tergolong dalam kalangan mereka yang beriman.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,
Saya mohon mencadangkan.